

P.U. (A) 328/2014

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (DANA PAMPASAN
PASARAN MODAL) (CARUMAN) (PINDAAN) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 160(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal) (Caruman) (Pindaan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 12 Disember 2014.

Pindaan Jadual 1

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal) (Caruman) 2012 [P.U. (A) 482/2012] dipinda dalam Bahagian 1 Jadual 1 dengan memasukkan selepas butiran “Seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

Orang yang berkaitan	Caruman	
	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun
"Pemegang bagi kedua-dua Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk bermiaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah dan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang	RM150,000.00	".

Dibuat 11 Disember 2014
 [KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1(9); PN(PU2)662/IX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua